

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM
[SERIAN]**

TARIKH : 22 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah status terkini Pembinaan Institut Latihan Perindustrian (ILP) Serian, Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Institut Latihan Perindustrian (ILP) Serian, Sarawak merupakan Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) ke-33 dan terletak di Bukar Sadong dengan keluasan 56.76 ekar. Projek ini telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) dan pembinaan telah bermula pada April 2018.

Projek ini dijangka siap pada Ogos 2022. Sehingga kini, status kemajuan fizikal semasa adalah sebanyak 41.2%. Kemajuan projek dijangka akan terus meningkat bersesuaian dengan status negeri Sarawak yang sekarang berada dalam Fasa 3 Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang membolehkan pelbagai aktiviti dibenarkan beroperasi termasuklah sektor pembinaan.